

19 JUN 2001

Umno-Taklimat (Rafidah)

WANITA UMNO IKRAR BEBAS DIRI DARIPADA POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno hari ini berikrar untuk membebaskan diri daripada politik wang dan meminta anggotanya supaya sedaya upaya mengelakkan diri daripada gejala itu yang boleh menjejaskan parti.

Ketuanya Datuk Seri Rafidah Aziz berkata sebanyak manapun wang tidak boleh menggantikan sebuah kepimpinan yang baik tanpa mengira peringkat.

"Dalam wanita, tidak ada laporan mengenainya (politik wang). Saya puas hati," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Taklimat Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Perhimpunan Agung Umno ke-55 yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini mulai esok.

Rafidah berkata walaupun setakat ini gejala itu tidak membimbangkan, tetapi tidak semestinya ia tidak akan menular ke dalam Pergerakan Wanita.

Rafidah menyeru anggota pergerakan itu supaya menghayati apa yang ditekankan oleh Presiden semasa menyampaikan amanatnya hari ini yang antara lain menyentuh mengenai perlunya anggota menanam sifat taat setia kepada parti sekiranya mahukan parti terus kuat.

"Kita menghayati apa yang ditekankan oleh Presiden kerana jelas dengan pergolakan yang berlaku dalam parti dan telah terdapat hakisan semangat juang dan hakisan taat setia kepada parti," katanya.

Rafidah berkata Dr Mahathir juga menekankan tentang pentingnya memberi keutamaan kepada parti lebih daripada diri sendiri dan menjalankan tugas mengikut kehendak parti dan bukannya agenda untuk faedah individu.

"(Sekarang ini) wujud trend tidak menyokong Umno tetapi orang itu dan orang ini, ini bahaya kepada parti dalam jangka masa panjang.

"Kami beruntung masa kami berjuang, parti kukuh, dihormati, berwibawa tetapi kalau dibiarkan terhakis kewibawaannya, anak-anak muda yang mewarisi parti akan mendapati parti itu dah tak ada, rangka sahaja yang tinggal, inilah yang kita nak elakkan berlaku," katanya.

Menyedari pentingnya semangat juang, Wanita Umno menekankan semangat patriotik dalam semua program yang dianjurkan yang bermatlamat merapatkan parti.

-- BERNAMA

ZAI WNZ LAT